

07/11/1997

Pastikan semua program berjalan lancar

AGENSI kerajaan negeri atau wilayah yang terbabit dalam Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) disaran peka terhadap peluang perniagaan bagi membolehkan semua rancangan yang dipersetujui pada Mesyuarat Majlis Perniagaan Bersama dilaksanakan dengan secara berkesan.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata pegawai agensi terbabit perlu memainkan fungsi penting supaya semua projek yang dirancang berjalan lancar.

"Kerajaan masing-masing negara mempunyai fungsi sendiri bagi memajukan apa yang dirancang dengan pengawasan selain mempunyai kesedaran mengenai peluang perniagaan."

"Kerajaan juga boleh mewujudkan satu budaya niaga di kalangan masyarakat bagi menghadapi era persaingan dalam pasaran terbuka," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) IMT-GT ketujuh di Lumut, semalam.

Ramli berkata kerajaan negeri atau wilayah yang menyertai IMT-GT boleh mencontohi konsep Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha menerapkan budaya niaga di kalangan rakyat.

Menurutnya, kerajaan Perak melalui agensi tertentu melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan masyarakat negeri ini mempunyai budaya niaga.

Beliau berkata, terpulang kepada kerajaan di kedua-dua negara terbabit untuk menerapkan budaya niaga di kalangan rakyatnya.

(END)